



JABATAN PERTANIAN

Department of Agriculture

Unit Komunikasi Korporat

Aras 14 & 17, Blok 4G2, Wisma Tani
No. 30 Persiaran Perdana, Presint 4
62624 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : 603-8870 3050/3038
Faks : 603-8870 3044
E-mel : pro @doa.gov.my
Portal Rasmi : www.doa.gov.my

SIARAN MEDIA

PELANCARAN THE FRESH STORY SDN. BHD. PERKUKUH RANTAIAN BEKALAN MAKANAN SEGAR DI SABAH

KOTA KINABALU, 21 Jun 2025 – Usaha memperkuuh rantaian nilai agromakanan negara terus diperkasakan menerusi pelancaran syarikat The Fresh Story Sdn. Bhd. di Kota Kinabalu hari ini. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Nor Sam binti Alwi, Ketua Pengarah Pertanian. Dalam ucapannya, beliau menyifatkan penubuhan syarikat ini sebagai langkah strategik yang menyokong agenda keterjaminan makanan negara melalui sistem pengedaran hasil tani yang lebih cekap, tersusun dan responsif terhadap keperluan pasaran.

Kehadiran The Fresh Story Sdn. Bhd., iaitu anak syarikat kepada Farm Price Holdings Berhad, dijangka menjadi pemangkin kepada pembangunan sistem pengedaran hasil pertanian yang lebih cekap, sistematik dan inklusif di negeri ini. "Kerjasama strategik ini bukan sahaja menggabungkan kekuatan logistik dan pengedaran kedua-dua pihak, malah membuka ruang lebih luas kepada produk pertanian tempatan untuk menembusi pasaran luar Sabah secara lebih terancang dan berimpak," ujar beliau.

Beliau turut menekankan bahawa pembangunan sektor agromakanan tidak boleh hanya bertumpu kepada aspek pengeluaran semata-mata. Kecekapan sistem pengedaran, pengurusan rantaian sejuk, serta pematuhan kepada standard keselamatan makanan perlu menjadi sebahagian daripada pendekatan holistik dalam menjamin kejayaan sektor ini. Dalam hal ini, syarikat turut disaran untuk menjadi peneraju dalam pematuhan kepada piawaian industri seperti pensijilan myGAP, pelaksanaan sistem kebolehkesanan (traceability) dan penguatkuasaan kawalan kualiti bersepadan sebagai amalan terbaik industri.

Pelancaran syarikat ini dijangka membuka lebih banyak peluang kepada petani di Sabah untuk memperluas kawasan penanaman dan meningkatkan produktiviti. Langkah ini turut berpotensi menjana pendapatan yang lebih tinggi menerusi akses pasaran yang lebih luas, terancang dan berstruktur. Inisiatif ini juga sejajar dengan aspirasi negara untuk memperkuuh ekonomi wilayah serta mempertingkat daya saing sektor pertanian melalui jalinan kerjasama strategik antara sektor awam dan swasta.

Yang turut hadir Pauzi bin Yaman, Pengurus Farm Price Holdings Berhad, Tiong Lee Chian, Pengarah Urusan The Fresh Story Sdn. Bhd. dan Dona Lakai, Pengarah Bahagian Pengembangan Pertanian Jabatan Pertanian.

###

JABATAN PERTANIAN KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)

Unit Komunikasi Korporat | Jabatan Pertanian

Tel : 03-8870 3102 / 3042 / 3038 / 3050 E-mel : pro@doa.gov.my Faks : 03-8888 3044



@mydoaHQ



@myDOA_HQ



@tvpertanian



@mydoa_hq